KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	1/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JMG			

Terengganu, Pahang banyak jaluran emas

Kosmo 1.1.2022_3

Pekan, Bukit Besi ada jalur emas ke-4

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

KUANTAN – Daerah Pekan dan kawasan Balok di Pahang serta kawasan Bukit Besi dan Cheneh di Terengganu berpotensi mempunyai sumber mineral emas kerana turut berada di Jalur Emas Ke-4.

Presiden Institut Geologi Malaysia, Abd. Rasid Jaafar berkata, sehubungan itu kajian pengesahan lapangan boleh dilakukan di kawasan itu yang mempunyai potensi yang sama seperti di Lubuk Mandi dan Mersing yang terletak di jalur yang sama.

"Secara ringkasnya, kajian di Jalur Emas 4 pada masa kini masih belum intensif seperti di Jalur Emas 2 dan 3.

"Jadi adalah wajar sekiranya kajian terhadap jalur emas paling hujung ini dapat dilaksanakan dengan lebih komprehensif dari aspek struktur, geokimia, pemineralan dan penentuan rizab emas itu sendiri," katanya di sini semalam.



KERATAN Kosmo! semalam.

Kosmo! semalam melaporkan Malaysia bukan sahaja kaya dengan simpanan emas, bauksit, mineral bukan logam dan mineral tenaga bernilai hampir RM4.11 trilion, malah masih banyak lagi kawasan sumber galian itu yang berpotensi untuk diteroka di negara ini.

Sumber galian berharga tersebut antaranya masih banyak terdapat di Pahang yang terletak di kawasan jalur-jalur emas yang merentasi arah utara hingga selatan Semenanjung.

Menurut Abd. Rasid, Jalur Emas 4 masih lagi menjadi misteri walaupun aktiviti perlombongan di Lubuk Mandi dan 'gold rush' di Mersing berlaku lebih kurang 10 tahun dahulu.

Katanya, berdasarkan kepada maklumat, emas di kawasan Lubuk Mandi, Terengganu ini bercampur dengan mineral-mineral sulfida seperti kalkopirit, arsenopirit dan pirit.

"Secara geologinya Lubuk Mandi didasari batuan klastik gunung berapi dan *metasedimen sabak filit* serta sedikit batuan berkarbon yang mengalami perejahan dan potongan daik dasit dan telerang kuarza.

"Kawasan ini mengalami sesar rician dan pemineralan dalam telerang kuarza dan batuan dinding yang berlaku di sekitar zon sesar semasa fasa kerapuhan (brittle phase)," ujarnya.



PEKAN dan kawasan Balok di Pahang serta kawasan Bukit Besi dan Cheneh di Terengganu mempunyai sumber mineral emas yang banyak.